



SIARAN MEDIA

**YB TENGKU DATO' SRI ZAFRUL TENGKU ABDUL AZIZ
MENTERI KEWANGAN**

LAPORAN LAKSANA KE-21

**PELAKSANAAN
PAKEJ RANGSANGAN EKONOMI PRIHATIN RAKYAT (PRIHATIN)
& PELAN JANA SEMULA EKONOMI NEGARA (PENJANA)**

15 September 2020



PENGENALAN

1. Pada minggu ini, **Laporan LAKSANA Ke-21** akan memberi fokus kepada status pelaksanaan PENJANA dan diikuti dengan ulasan isu semasa. Manakala, bagi inisiatif PRIHATIN, maklumat akan dikongsi sebagai lampiran dan dimuat naik di laman web Kementerian Kewangan iaitu <https://www.treasury.gov.my/>.

PENJANA (Pelan Jana Semula Ekonomi Negara)

2. Di bawah PENJANA, inisiatif-inisiatif terbahagi kepada tiga matlamat, iaitu:
 - a. Memperkasakan Rakyat;
 - b. Melonjakkan Perniagaan; dan
 - c. Merangsang Ekonomi.

PENJANA MATLAMAT 1: MEMPERKASAKAN RAKYAT

3. Dalam menggalas tanggungjawab untuk memulihkan semula ekonomi, Kerajaan juga perlu memastikan rakyat mencapai kesejahteraan dan kelangsungan hidup. Maka, Kerajaan memastikan bantuan disediakan dalam pelbagai bentuk kepada rakyat.
4. **Pertama, Skim Peduli Kesihatan untuk Kumpulan B40 (PeKa B40)** yang dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan dan dikawalselia oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) memberi **penekanan kepada pengesanan awal penyakit tidak berjangkit kepada golongan B40**, terutama apabila usia meningkat. Dari 1 Julai hingga 4 September 2020, sebanyak **73,592** tuntutan bernilai **RM4.5 juta** telah diterima. Golongan B40 boleh mendaftar dengan Skim PeKa B40 melalui pautan rasmi <https://www.pekab40.com.my/bm>. Ringkasan bantuan setakat 4 September adalah seperti berikut:

Dari 1 Julai 2020 hingga	Jumlah Tuntutan*	Nilai Bantuan* (RM juta)
4 September	73,592	4.50
31 Ogos	66,380	3.70
21 Ogos	57,456	2.56

*Jumlah Kumulatif

5. **Kedua, Program Bantuan Sosial bagi Golongan Mudah Terjejas.** Setakat 4 September 2020, **sejumlah RM61.7 juta** (telah disalurkan dan telah **memanfaatkan 205,578 penerima** yang merangkumi:
1. Orang Kelainan Upaya (OKU) berdaftar: **RM55.7 juta (185,713 penerima)**
 2. Ibu tunggal: **RM5.4 juta (18,050 penerima)**
 3. Sukarelawan Program Khidmat Bantu di Rumah: **RM544,500 (1,815 penerima)**
6. **Ketiga, Program Insentif Pengambilan Pekerja dan Bantuan Latihan.** RM1.5 bilion telah diperuntukkan untuk program menggalakkan pengambilan pekerja oleh majikan. Secara keseluruhannya, **seramai 28,577** pekerja telah berjaya mendapat pekerjaan dengan butiran seperti berikut:

Tarikh setakat	Kategori Rakyat yang Mendapat Perkerjaan				Jumlah*
	< 40 tahun	40 – 60 tahun	OKU	Perantis	
4 September	21,604	3,722	232	3,019	28,577
28 Ogos	18,354	3,266	**178	2,818	24,616
21 Ogos	15,113	2,856	220	2,385	20,574

*Jumlah Kumulatif

**Penurunan berbanding minggu sebelumnya adalah kerana selepas penyelarasan dan analisa lanjut, sejumlah pemohon didapati bukan OKU

7. **Keempat, Program Subsidi Upah PENJANA.** Program Subsidi Upah yang merupakan salah satu inisiatif kerajaan dalam membantu rakyat terjejas akibat COVID-19 telah berjaya menyelamatkan berjuta pekerja sejak ia mula dilaksanakan. Setakat 4 September 2020, sebanyak **RM10.41 bilion subsidi upah** telah diluluskan yang memanfaatkan lebih **2.62 juta pekerja**.

Tarikh Laporan	Jumlah Diluluskan* (RM bilion)	Jumlah Pekerja* (juta)	Jumlah Majikan*
4 September	10.414	2.622	320,701
28 Ogos	10.383	2.620	320,440
31 Julai	8.995	2.582	318,258
26 Jun	7.074	2.455	307,518
29 Mei	4.018	2.197	286,338
24 April	1.606	1.452	207,237

*Jumlah Kumulatif

8. **Kelima, PENJANA GIG di bawah seliaan PERKESO.** Kerajaan tidak melupakan rakyat yang selama ini bekerja tanpa jaringan keselamatan sosial, khususnya pekerja ekonomi gig. Berdasarkan maklumat, kesedaran di kalangan pekerja gig **adalah masih di tahap yang rendah**. Sejak Julai 2020 hingga kini, hanya **0.8% atau 2,533** pekerja ekonomi gig mencarum dengan PENJANA GIG daripada sasaran 300,000 pekerja. **Dengan bayaran sebanyak RM232.80 setahun, kerajaan membayar 70% (RM163) manakala 30% (RM69.80) lagi ditampung oleh pekerja gig atau penyedia platform.** Kerajaan berharap agar lebih ramai pekerja gig mengambil peluang untuk mencarum dengan PERKESO dan/atau skim i-Saraan KWSP agar mendapat perlindungan PENJANA GIG. **Bagi tujuan perlindungan PENJANA GIG ini, manfaat Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS) bukan sahaja meliputi faedah perubatan, pendidikan dan kemudahan pemulihan jasmani atau vokasional, tetapi juga termasuk:**

No.	Faedah	Pelan 2 (Penjana Gig)
1	Faedah Hilang Upaya Sementara (HUS)	80% daripada RM1,550 (setiap cuti sakit berkecualan menerima RM41 sehari)
2	Faedah Hilang Upaya Kekal (HUK)	90% daripada RM1,550 dan tertakluk kepada faktor umur dan taksiran peratus hilang upaya kekal.
3	Faedah Orang Tanggungan (Kematian) kepada Pasangan / Ibu Bapa / Adik Beradik / Anak.	RM1,395 sebulan sepanjang hayat
4	Elaun Layanan Sentiasa kepada OBS yang tidak berdaya akibat bencana pekerjaan sehingga memerlukan layanan oleh orang lain.	RM500 sebulan
5	Faedah Pengurusan Mayat	RM2000

Semua pihak harus memainkan peranan dalam meningkatkan kesedaran tentang betapa pentingnya untuk mencarum bagi keselamatan sosial, terutamanya bagi pekerja ekonomi gig. Maklumat lanjut mengenai skim ini melalui PERKESO boleh didapati melalui pautan berikut: <https://gig.perkeso.gov.my/>

9. **Keenam, Program Global Online Workforce (GLOW).** Ekonomi gig adalah segmen ekonomi yang semakin popular kebelakangan ini terutama di kalangan generasi muda. Program yang diterajui oleh Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC) sudah bermula sejak 2016. Sehingga kini, ia sudah disertai hampir 53,000 orang dengan nilai pendapatan keseluruhan direkodkan lebih RM168 juta. **Program GLOW ini yang dilanjutkan di bawah PENJANA** bertujuan untuk memperkenalkan peluang kerjaya gaya baharu, dengan membimbing rakyat Malaysia secara intensif sebagai *digital freelancer* yang mampu menawarkan kepakaran serta perkhidmatan mereka ke peringkat global menerusi platform digital yang tersedia. Inisiatif GLOW-PENJANA ini bakal memanfaatkan sehingga 10,000 pekerja ekonomi gig dan mampu membuka peluang pekerjaan baharu. **Pendaftaran telah bermula pada 20 Ogos 2020, seramai 457 sudah berdaftar dan program latihan untuk siri pertama akan bermula pada bulan September 2020.** Sila layari <https://erezeki.my/glow>.

PENJANA MATLAMAT 2: MELONJAKKAN PERNIAGAAN

10. PKS berperanan penting sebagai pemacu pertumbuhan ekonomi negara, PENJANA menekankan strategi khusus untuk menyokong PKS melalui peningkatan akses kepada pembiayaan bagi meningkatkan keupayaan dan kapasiti mereka.
11. **Pertama, Skim Pemulihan Perniagaan Tekun (TEKUN Business Recovery Scheme – TBRS).** Skim ini membantu mengekalkan aliran tunai PKS mikro agar mereka kekal bertahan tanpa memberhentikan pekerja. Setakat 4 September 2020, sebanyak **RM62.7 juta** telah disalurkan dan memanfaatkan **9,313 PKS Mikro**.

Tarikh setakat	Permohonan* diluluskan	Jumlah disalurkan* (RM juta)
4 September	9,313	62.7
28 Ogos	6,908	47.7
31 Julai	909	6.8

*Jumlah kumulatif

12. **Kedua, Pembiayaan PKS PENJANA** untuk PKS yang terkesan COVID-19. Kerajaan telah memperuntukkan dana berjumlah RM2 bilion dan akan memberi keutamaan kepada PKS yang belum pernah mendapat pinjaman dari bank. Sehingga 4 September 2020, sebanyak **2,131 permohonan PKS telah diluluskan dengan nilai pinjaman sebanyak RM562.3 juta.**

Tarikh setakat	Permohonan* diluluskan	Jumlah nilai pinjaman* (RM juta)
4 September	2,131	562.3
28 Ogos	1,615	426.2
21 Ogos	1,172	329.5

*Jumlah kumulatif

13. **Ketiga, Pembiayaan Sektor Pelancongan PENJANA atau *PENJANA Tourism Fund (PTF)*.** Tujuan kemudahan ini adalah untuk menyokong perusahaan mikro, kecil dan sederhana tempatan dalam sektor pelancongan yang terkesan COVID-19. Syarikat yang layak boleh memohon pembiayaan sehingga RM300,000, manakala PKS mikro boleh memohon sehingga RM75,000 pada kadar **sehingga 3.5% setahun bagi tempoh pembiayaan sehingga 7 tahun**. Sebanyak 12 institusi kewangan terlibat dalam skim pembiayaan ini. Segmen sektor pelancongan yang layak adalah seperti berikut:

Pelancongan teras	- Premis penginapan pelancongan (seperti hotel bajet, inap desa (homestay) berdaftar, chalet dan rumah peranginan) - Agensi pelancongan & operator pelancongan - Pengangkutan untuk pelancong (seperti operator bas, bot dan kereta sewa)
Sektor berkaitan pelancongan	- Pelancongan perubatan - Ekosistem Mesyuarat, Insentif, Persidangan, Pameran (<i>Meetings, Incentives, Conferences, Exhibitions, MICE</i>) - Perniagaan perkhidmatan wang – untuk pengendali pertukaran wang yang berurusan terutamanya dengan pelancong ke dalam dan ke luar negeri. - Perniagaan runcit, rekreasi dan kesihatan berkaitan pelancongan yang boleh membuktikan tahap pergantungan mereka yang besar terhadap pelancong

Maklumat lanjut mengenai PTF boleh didapati di pautan berikut:

Bahasa Melayu: <https://penjana.treasury.gov.my/pdf/PENJANA-Tourism-Financing-eBooklet-BM.pdf>

Bahasa Inggeris: <https://penjana.treasury.gov.my/pdf/PENJANA-Tourism-Financing-eBooklet-EN.pdf>

PENJANA MATLAMAT 3: MERANGSANG EKONOMI.

14. **Pertama, Sukuk Prihatin:** Sukuk ini membuka peluang kepada Rakyat Malaysia untuk menyumbang bersama dalam usaha Kerajaan membina semula ekonomi Negara pasca Covid -19. Dana yang terkumpul akan disalurkan kepada inisiatif-inisiatif seperti penambahbaikan kesalinghubungan atau *connectivity* di sekolah-sekolah luar bandar, sokongan kepada peniaga mikro, dan penyelidikan penyakit berjangkit.
15. Sukuk PRIHATIN ini bukan sahaja akan membantu mereka yang terjejas, malah ia memberikan **keuntungan 2% setiap tahun bagi tempoh matang 2 tahun, dengan bayaran keuntungan suku tahunan**. Pada tempoh matang, pelabur boleh memilih untuk menderma jumlah prinsipal dan menikmati potongan cukai. **Langganan boleh dibuat melalui kemudahan JomPAY dan DuitNow secara atas talian melalui laman sesawang 27 institusi perbankan. Tarikh tutup langganan adalah pada 17 September 2020.**
16. **Kedua, ePenjana.** Sehingga 4 September 2020, **10.7 juta rakyat telah berjaya menerima RM50 dalam e-Dompet mereka dengan jumlah nilai sebanyak RM535 juta**. Penerima ePENJANAingatkan bahawa kredit di dalam e-dompet ini perlu digunakan **sebelum 30 September 2020**. Selepas tarikh tersebut nilai kredit akan luput daripada akaun pengguna e-dompet tersebut.
17. **Ketiga, Sokongan bagi Sektor Seni, Budaya dan Hiburan.** Kerajaan peka terhadap keluhan oleh industri kreatif termasuk karyawan, pengarah filem, *crew* produksi dan pengurus acara. Pelan PENJANA bagi industri kreatif bertujuan memulihkan industri kreatif termasuk juga seni dan budaya, yang ditadbir dan diurus oleh MyCreative Ventures dan CENDANA, di bawah pengawasan Kementerian Komunikasi dan Multimedia. Ia telah dirangka khas untuk membantu industri seni, budaya, hiburan dan pementasan, sama ada dari kalangan para penggiat mahupun perniagaan yang berteraskan seni, yang terkesan dengan pandemik COVID-19, untuk bangkit semula dan meneruskan aktiviti kreatif mereka. Setakat 4 September 2020, sebanyak **667 permohonan telah diterima yang bernilai RM45 juta**.

ULASAN ISU SEMASA

18. Berdasarkan statistik ekonomi yang dilaporkan oleh **Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)**, keadaan ekonomi menunjukkan tanda-tanda pemulihan secara beransur:
- a. **Kadar pengangguran pada bulan Julai menurun kepada 4.7%** berbanding 4.9% pada bulan Jun dan 5.3% pada bulan Mei 2020. Pembukaan aktiviti ekonomi semula dan Inisiatif Program Subsidi Upah, program latihan semula dan peningkatan kemahiran, pengambilan pekerja serta bantuan latihan telah turut menyumbang kepada pemulihan pasaran buruh mulai Jun lalu.
 - b. **Prestasi perdagangan borong dan runcit negara juga menyaksikan pemulihan pada Julai lalu** selepas mencatatkan jualan sebanyak RM108.7 bilion (-3.5% berbanding -8.4% pada Jun 2020). **Jualan kenderaan bermotor merekodkan pertumbuhan tertinggi iaitu 5.8% berbanding bulan yang sama tahun lalu untuk mencapai RM8.1 bilion.** Pertumbuhan yang memberangsangkan ini adalah berikutan pengecualian cukai jualan yang diumumkan kerajaan di bawah PENJANA.
 - c. **Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP) kembali mencatatkan pertumbuhan positif sebanyak 1.2% pada Julai 2020** berbanding bulan sama tahun lalu, peningkatan pertama sejak Februari lalu.
19. **Kaji Selidik PRIHATIN (Bantuan Rakyat)** telah mendapat sambutan yang memberangsangkan dengan lebih 10,000 responden mengambil bahagian di dalam kaji selidik ini. Pelaksanaan kaji selidik dalam talian ini akan membantu Kerajaan dalam memperbaiki dasar sedia ada dan merumuskan inisiatif akan datang untuk manfaat semua. **Kini, Kerajaan kini membuka peluang kepada Peniaga** untuk memberi maklum balas yang lebih menyeluruh berkenaan keberkesanan Pakej PRIHATIN melalui **Kaji Selidik PRIHATIN** di pautan berikut:

Bahasa Melayu:

<https://www.laksanasurvey.org/index.php/322316?lang=ms&LS=PB17>

Bahasa Inggeris:

<https://www.laksanasurvey.org/index.php/322316?lang=en&LS=PB17>

20. **Kaji Selidik Bantuan Pembayaran Balik Bersasar:** Menjelang tamatnya moratorium secara umum pada 30 September 2020, institusi perbankan akan terus bersedia untuk membantu peminjam yang masih terjejas akibat COVID-19 melalui bantuan bank bersasar bermula 1 Oktober 2020. Pihak bank telah menghubungi lebih dua juta peminjam yang merangkumi individu, PKS dan syarikat lain-lain termasuk perniagaan korporat dan komersil bagi menawarkan bantuan pembayaran pembiayaan. Bagi yang masih memerlukan bantuan dan belum berbincang dengan pihak bank, sila hubungi bank anda dengan segera. **Pihak Bank Negara Malaysia juga sedang melaksanakan kaji selidik dalam talian bagi mendapat maklum balas Rakyat** semasa tempoh yang mencabar ini.
- Individu: <https://forms.gle/DBjms9g9wyYK5QYT9>
 - PKS/SME: <https://forms.gle/WkpHjCgKAnyfa9L69>
21. **Jelajah Belanjawan 2021 oleh pasukan Kementerian Kewangan** di teruskan dengan **pertemuan bersama Kementerian Belia dan Sukan pada 11 September 2020 dan lawatan ke Perak pada 12 September 2020**. Pelbagai idea dan cadangan telah dibentangkan semasa pertemuan dengan Menteri, Timbalan Menteri dan warga Kementerian Belia dan Sukan untuk memperkasakan belia di Malaysia. Bagi sesi di negeri Perak pula, dialog diadakan bersama Lembaga Minyak Sawit Malaysia, wakil-wakil Industri sawit, Kementerian Tenaga dan Sumber Asli, agensi-agensi berkaitan, NGO dan persatuan nelayan yang meliputi aspek pembangunan sektor komoditi dan kelestarian alam sekitar dalam memulihara dan memelihara khazanah negara.
22. Bersama-sama dengan pasukan Unit Pelaksanaan dan Koordinasi Stimulus Ekonomi Antara Agensi Nasional (Laksana), baru-baru ini kami juga telah turun padang untuk berjumpa dengan penjaja dan penduduk B40 di sebuah kawasan Rumah Kos Rendah di Kuala Lumpur. Salah satu tujuan lawatan tersebut ialah untuk mendapat maklumbalas mengenai bantuan yang telah disalurkan di bawah PRIHATIN dan PENJANA. Rata-rata, kebanyakan penduduk menghargai bantuan-bantuan tersebut namun apa yang mereka lebih perlukan adalah sokongan berterusan untuk berdikari, contohnya melalui perniagaan kecil-kecilan. Kerajaan akan terus memantau dan memastikan agar semua rakyat yang memerlukan akan sentiasa mendapat sokongan Kerajaan.

YB Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz

Menteri Kewangan

Kementerian Kewangan Malaysia

15 September 2020

LAMPIRAN - PENCAPAIAN PAKEJ PRIHATIN

MATLAMAT 1: LINDUNGI RAKYAT		
1.	Skim pengeluaran i-Lestari di bawah Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)	Sehingga 4 September 2020, jumlah pengeluaran kumulatif di antara April sehingga Ogos 2020 adalah sebanyak RM8.14 bilion (peningkatan daripada RM7.54 bilion minggu lalu) dan melibatkan 4.6 juta penerima (peningkatan daripada 4.59 juta minggu lalu). Perancangan persaraan adalah penting dan orang ramai disyorkan untuk menggunakan Khidmat Nasihat Persaraan (Retirement Advisory Service - RAS) yang disediakan oleh pihak KWSP secara percuma untuk tujuan ini. Maklumat mengenai perkhidmatan percuma ini boleh didapati di pautan berikut: https://www.kwsp.gov.my/ms/member/retirement-advisory-service
2.	Elaun Khas Barisan Hadapan (Frontliners Allowance)	a. Setakat 4 September 2020, sebanyak RM267.4 juta telah disalurkan berdasarkan 827,974 tuntutan yang terdiri daripada doktor, jururawat dan kakitangan perubatan lain yang terlibat secara langsung dalam pengurusan dan pembendungan wabak COVID-19. b. Elaun khas ini juga dipanjangkan kepada anggota tentera, polis, kastam, imigresen, bomba, anggota angkatan pertahanan awam serta anggota RELA yang terlibat secara langsung dalam melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).
3.	Pemandu Teksi	Setakat 4 September 2020, Kerajaan telah menyalurkan bantuan tunai <i>one-off</i> kepada 33,377 pemandu teksi yang berjumlah RM20 juta .
4.	Pemandu Pelancong	Sehingga 4 September 2020, seramai 7,622 pemandu pelancong (peningkatan daripada 7,616 pemandu) telah menerima bantuan tunai <i>one-off</i> berjumlah RM4.6 juta .
5.	Pemandu Bas pelancongan	Pembayaran tunai <i>one-off</i> kepada 3,104 pemandu bas pelancongan telah mula dibuat pada 22 Julai 2020. Setakat 4 September 2020, seramai 2,902 pemandu bas pelancong telah menerima bantuan berjumlah RM1.74 juta .

MATLAMAT 2: SOKONG PERNIAGAAN					
6.	Program Bantuan Majikan COVID-19 (e-CAP) KWSP	Sehingga 4 September 2020, sebanyak 68,985 permohonan (peningkatan daripada 68,532 minggu lalu) telah diterima dan daripada jumlah tersebut, 12,994 permohonan telah diluluskan bernilai RM84.5 juta (peningkatan daripada RM84.2 juta minggu lalu) bagi caruman KWSP majikan.			
		Bantuan majikan COVID-19 (e-CAP) KSWP	Jumlah permohonan diterima*	Jumlah permohonan diluluskan*	Jumlah diluluskan* (RM juta)
		4 September	68,985	12,994	84.5
		28 Ogos	68,532	12,904	84.2
		21 Ogos	68,157	12,840	83.9
		14 Ogos	67,413	12,706	83.2
		7 Ogos	66,673	12,584	82.7
		31 Julai	65,986	12,425	82.1
		24 Julai	65,122	12,165	80.9
		20 Julai	64,265	11,930	79.3
		10 Julai	58,455	11,370	76.1
		3 Julai	37,900	10,528	70.4
		26 Jun	36,107	9,542	63.9
		19 Jun	34,246	8,489	56.8
		12 Jun	31,400	7,194	47.9
		5 Jun	29,601	6,457	42.9
		31 Mei	26,509	5,245	34.8
		17 Mei	20,771	3,168	20.6
10 Mei	13,690	2,032	13.4		
*jumlah kumulatif					
7.	Skim Kredit Mikro BSN	Setakat 4 September 2020, pembayaran telah dibuat kepada 10,695 PKS (peningkatan daripada 10,538 penerima minggu lepas) melibatkan jumlah sebanyak RM361.3 juta (peningkatan daripada RM356.98 juta minggu lepas)			
8.	Program TEKUN	Setakat 4 September 2020, pembayaran telah dibuat kepada 25,616 PKS (peningkatan daripada 25,218 penerima minggu lepas) melibatkan jumlah sebanyak RM194.02 juta (peningkatan daripada RM190.31 juta minggu lepas).			

9.	Dana Pinjaman Mudah Perusahaan Kecil Sederhana (PKS) (SME Soft Loans Funds) yang dikendalikan oleh Bank Negara Malaysia (BNM)	Setakat 4 September 2020, jumlah permohonan yang telah diluluskan oleh bank-bank tempatan dan disetuju terima oleh PKS adalah RM10.4 billion (peningkatan daripada RM10.3 billion minggu lalu) yang akan memberi manfaat kepada 22,688 PKS (peningkatan daripada 22,440 PKS minggu lalu). Jumlah ini termasuk dana <i>Special Relief Facility (SRF)</i>, <i>Automation & Digitalisation Facility (ADF)</i>, <i>All-Economic Sector Facility (AES)</i> dan <i>Agrofood Facility (AF)</i>. <table border="1" data-bbox="480 521 1358 1001"> <thead> <tr> <th>Dana Pinjaman Mudah PKS</th><th>Jumlah diluluskan dan disetuju terima* (RM bilion)</th><th>Jumlah PKS*</th></tr> </thead> <tbody> <tr><td>September</td><td>10.4</td><td>22,688</td></tr> <tr><td>28 Ogos</td><td>10.3</td><td>22,440</td></tr> <tr><td>21 Ogos</td><td>10.2</td><td>22,322</td></tr> <tr><td>14 Ogos</td><td>10.1</td><td>22,143</td></tr> <tr><td>7 Ogos</td><td>9.9</td><td>21,759</td></tr> <tr><td>Julai</td><td>9.6</td><td>21,410</td></tr> <tr><td>Jun</td><td>8.4</td><td>19,539</td></tr> <tr><td>Mei</td><td>6.9</td><td>16,833</td></tr> <tr><td>April</td><td>1.5</td><td>3,636</td></tr> </tbody> </table> <i>*Jumlah Kumulatif</i> Walaupun dana SRF telah dimanfaatkan sepenuhnya, PKS masih boleh memohon skim pembiayaan yang masih tersedia melalui Tabung BNM seperti ADF, AES dan AF. PKS juga boleh mendapatkan pembiayaan lain melalui platform imsME di pautan https://imsme.com.my/portal/bm/ yang boleh membantu dalam membuat padanan pembiayaan yang diperlukan dengan pelbagai institusi kewangan untuk PKS.	Dana Pinjaman Mudah PKS	Jumlah diluluskan dan disetuju terima* (RM bilion)	Jumlah PKS*	September	10.4	22,688	28 Ogos	10.3	22,440	21 Ogos	10.2	22,322	14 Ogos	10.1	22,143	7 Ogos	9.9	21,759	Julai	9.6	21,410	Jun	8.4	19,539	Mei	6.9	16,833	April	1.5	3,636
Dana Pinjaman Mudah PKS	Jumlah diluluskan dan disetuju terima* (RM bilion)	Jumlah PKS*																														
September	10.4	22,688																														
28 Ogos	10.3	22,440																														
21 Ogos	10.2	22,322																														
14 Ogos	10.1	22,143																														
7 Ogos	9.9	21,759																														
Julai	9.6	21,410																														
Jun	8.4	19,539																														
Mei	6.9	16,833																														
April	1.5	3,636																														
PRIHATIN MATLAMAT 3: PERKUKUH EKONOMI																																
10.	Moratorium Bayaran Balik Pinjaman Institusi Kewangan	Setakat 4 September 2020, nilai moratorium tersebut dianggarkan berjumlah RM85.8 bilion. Daripada angka ini, sebanyak RM30 bilion adalah jumlah yang dimanfaatkan oleh sektor perniagaan manakala jumlah yang dimanfaatkan oleh peminjam individu bernilai RM55.8 bilion.																														